

Alumni UMP bantu 55 keluarga daif

BERITA HARIAN CWILAYAH 8 JUN 2016 M/S 36



Dr Yuserrie bersama sebahagian penerima sumbangan sempena Ramadan pada program anjuran Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang di Surau Kampung Tiram, semalam.

Kuantan: Persatuan Bekas Pelajar Universiti Malaysia Pahang (Alumni UMP) meneruskan tradisi membantu golongan memerlukan sempena Ramadan dengan menyerahkan sumbangan wang tunai dan barangan keperluan di sini, semalam.

Menerusi program Ziarah Prihatin Ramadan Alumni UMP 2016 itu, seramai 55 keluarga terdiri daripada golongan kurang berkemampuan, menghidap penyakit kronik, warga tua dan saudara baharu menerima sumbangan berkenaan.

Program itu dianjurkan bersama Pertubuhan Ikram Pahang dan I-Bantu bagi meringankan golongan kurang bernasib baik untuk memriahkan serta mengimarhkan Ramadan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, ber-

kata penerima bantuan membatik penduduk dari Kampung Tiram, Kampung Kurnia, Kampung Teruntum, Kampung Padang dan rumah muafal bernaung di bawah Hidayah Centre.

"Kita menyerahkan barangan keperluan asas dan bantuan kewangan.

"Selepas ini, kita akan memberi bantuan kepada saudara baharu di Kampung Orang Asli Batu 14, Gambang dan Kampung Paloh Hinai pada 10 hingga 14 Jun depan," katanya ketika ditemui selepas program itu di sini, semalam.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Ikram Pahang, Suhaimi Arifin.

Penerima dari Kampung Tiram, Mek Puteh Embong, 78, berkata bantuan diterima itu dapat meringankan perbelanjaannya untuk menyambut Ramadan.